

29 NOV 1996

Asean-Abdullah (Dengan Gambar)

MALAYSIA BANGKITKAN ISU LEMBAH MEKONG PADA SIDANG PUNCAK ASEAN

JAKARTA, 29 Nov (Bernama) -- Malaysia akan memberi taklimat kepada para pemimpin Asean mengenai Kerjasama Pembangunan Lembangan Mekong, termasuk projek rangkaian kereta api Merentasi Asia, pada sidang kemuncak tidak formal yang pertama bertujuan mendapatkan persetujuan mereka bagi mempercepatkan pelaksanaannya.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menarik perhatian rakan sejawatannya dari Asean dan pemimpin dari Kemboja, Laos dan Myanmar, berhubung kedua-dua isu itu.

"Keputusan akan diambil mengenai Lembangan Mekong," katanya kepada wartawan Malaysia setibanya di sini hari ini, sehari sebelum Sidang Kemuncak Tidak Formal Asean esok.

Sidang kemuncak sehari itu akan dihadiri para pemimpin Asean dan tiga negara Indochina.

Abdullah berkata projek-projek pembangunan yang dicadangkan bagi Lembangan Mekong akan dilaksanakan selepas para pemimpin itu memberi sokongan mereka.

Malaysia diberikan tugas menyiapkan kertas kerja mengenai cadangan pembangunan bagi Lembah Mekong dan juga menyelaraskan rangkaian kereta api Merentasi Asia yang dicadangkan dari Singapura ke China.

Dr Mahathir sebelum ini berkata Malaysia akan menjalankan kajian untuk mengenal pasti projek-projek pembangunan yang boleh dilaksanakan di Lembangan Mekong. Antaranya ialah pembangunan sumber air seperti pengairan dan penjana kuasa hidroelektrik dan pelancongan.

Rantau kecil Mekong meliputi kawasan kira-kira 2.3 juta km persegi, merangkumi enam negara -- Vietnam, Kemboja, Thailand, Laos, Myanmar dan wilayah Yunan di China.

Mengenai rangkaian kereta api Merentasi Asia, Malaysia telah mencadangkan empat laluan yang akan mengambil masa paling singkat untuk disiapkan di bawah kajian kesesuaian yang menelan belanja RM2 juta.

Mengenai sidang kemuncak itu, Abdullah berkata selain senarai topik yang akan dikemukakan kepada para pemimpin, tidak ada agenda tetap bagi mereka untuk dibincangkan.

Beliau berkata terpulang kepada para pemimpin untuk membincangkan apa-apa perkara dan membuat keputusan mengenai isu-isu yang dianggap penting.

Abdullah berkata para pemimpin itu kemudian akan mengarahkan menteri masing-masing supaya mengambil tindakan susulan terhadap keputusan itu.

Katanya para pemimpin Asean juga dijangka membuat "beberapa keputusan" mengenai tindakan Amerika Syarikat yang menghukum syarikat-syarikat asing yang melabur di Iran dan Libya yang dituduh oleh Washington sebagai menyokong keganasan.

Mengenai kemasukan Myanmar ke dalam Asean, Abdullah berkata Malaysia berpendapat sekiranya Yangon telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, tidak ada sebab bagi Myanmar untuk tidak menyertai perkumpulan itu pada tahun depan.

Sambil menyifatkan Myanmar sebagai "isu hangat", beliau berkata Kuala Lumpur tidak melihatnya sebagai satu masalah jika Myanmar tidak memenuhi kesemua syarat dan tidak dapat menyertai Asean pada tahun depan.

Abdullah berkata isu lain yang akan dibincangkan oleh para pemimpin itu termasuk mengenai Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa dan perjanjian Zon

Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara yang disahkan pada sidang kemuncak
Asean yang lepas. -- BERNAMA
TEAM AKD